

Inflasi, sebagaimana yang diukur melalui Indeks Harga Pengguna (IHP, 1994=100) telah meningkat sebanyak 2.6% dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan 3.6% pada tempoh yang sama tahun 1996. Kadar inflasi ini adalah yang terendah dicapai semenjak tahun 1990. Pencapaian ini disebabkan sebahagian besarnya oleh kejayaan langkah-langkah menyeluruh yang bertujuan untuk melegakan tekanan harga dalam ekonomi tempatan, mengatasi kekangan bekalan serta mengurangkan tekanan ke atas upah yang disebabkan oleh keadaan kekurangan buruh. Langkah fiskal dan kewangan terus diperketatkan dengan tujuan untuk mengurangkan lebih permintaan yang telah menyebabkan kekangan keupayaan dihadapi oleh sesetengah industri dan keadaan pasaran buruh yang ketat yang berpotensi untuk meningkatkan tekanan ke atas harga, upah dan kos buruh. Pada masa yang sama, penghapusan dan pengurangan duti import ke atas sejumlah besar barangan pengguna serta penguatkuasaan langkah-langkah pentadbiran yang tegas untuk mencegah amalan perniagaan tidak sihat telah juga menyumbang kepada kadar inflasi yang lebih rendah. Tambahan pula, kadar inflasi rendah di kebanyakan negara rakan dagangan utama negara juga telah menyumbang kepada kadar inflasi rendah ini. Di peringkat pengeluar, Indeks Harga Pengeluar (PPI, 1986=100) telah meningkat sebanyak 0.9% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1997 berbanding dengan 1.5% bagi tempoh Januari-Ogos 1996 disebabkan terutamanya oleh harga rendah barangan import serta pertumbuhan lebih sederhana dalam kos pengeluaran tempatan.


Bagi gunatenaga, situasi pasaran buruh terus kekal ketat. Sebanyak 229,500 peluang pekerjaan baru dijangka dapat diwujudkan dalam tahun 1997

berbanding dengan 246,000 dalam tempoh yang sama pada tahun 1996. Kadar pengangguran dijangka kekal di paras 2.5% dalam tahun 1997 (1996:2.5%). Perjanjian bersama upah sektor swasta yang dipersetujui dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 menunjukkan peningkatan upah secara purata sebanyak 7.7% iaitu lebih rendah dari 12.3% dalam tempoh yang sama pada tahun 1996. Sejumlah 226 perjanjian upah bersama melibatkan 69,300 pekerja telah dipersetujui dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 berbanding dengan 398 perjanjian meliputi 113,300 pekerja pada tahun 1996.

Harga

Peningkatan secara sederhana di dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) terutamanya sejak pertengahan tahun ini telah mencapai tahap terendahnya pada bulan Ogos 1997 di paras 2.6%. Ini disebabkan oleh peningkatan lebih perlahan secara berterusan indeks komponen makanan yang mempunyai wajaran tertinggi dalam keseluruhan "bakul" barangan IHP (34.9%). Semenjak Februari 1997, IHP telah meningkat perlahan secara berterusan dari 3.2% dalam dua bulan pertama ke 3.1% (Januari-Mac), 3.0% (Januari-April), 2.9% (Januari-Mei), 2.8% (Januari-Jun), 2.7% (Januari-Julai) dan 2.6% (Januari-Ogos). Dengan ini, secara purata peningkatan keseluruhan IHP untuk tempoh Januari-September 1997 adalah 2.6%. Berdasarkan kawasan, arah aliran harga di Sabah dan Sarawak menunjukkan peningkatan yang lebih sederhana berbanding dengan di Semenanjung Malaysia. IHP bagi Semenanjung Malaysia meningkat 2.8% (Januari-September 1996: 3.9%), sementara indeks untuk Sabah meningkat 2.1% (Januari-September 1996: 2.8%) dan Sarawak 1.4% (Januari-September 1996: 2.2%) seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 8.1.

Carta 8.1
Indeks Harga Pengguna (1994 = 100)
(perubahan tahunan)



Pertumbuhan sederhana IHP sepanjang bulan Januari-September 1997 disebabkan harga lebih rendah dicatatkan oleh hampir kesemua kumpulan kecil dalam bakul barangan pengguna kecuali indeks kecil perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan serta pelbagai barang dan perkhidmatan. Walaupun harga makanan kekal sebagai penyumbang terbesar dalam peningkatan keseluruhan IHP, peningkatannya adalah lebih sederhana pada kadar 4.3% sepanjang Januari-September 1997 berbanding dengan 5.7% sepanjang tempoh yang sama tahun lepas. Ini sebahagian besarnya, disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih rendah sebanyak 3.6% dalam indeks kecil barangan makanan yang digunakan di rumah (Januari-September 1996: 6.0%). Walau bagaimanapun, indeks kecil bagi barangan makanan yang diambil di luar rumah meningkat sebanyak 5.9% (Januari-September 1996: 4.7%). Secara terperinci, indeks kecil ikan telah meningkat sebanyak 7.0%, iaitu satu kadar peningkatan yang jauh lebih rendah iaitu hampir separuh berbanding kadar peningkatan 12.5%

Jadual 8.1

**Malaysia: Indeks Harga Pengguna
(1994=100)**

	Wajaran	Perubahan Tahunan (%) (Januari-September)		
		1996	1996	1997
JUMLAH	100.0	3.5	3.6	2.6
Makanan	34.9	5.7	5.7	4.3
Minuman dan tembakau	3.6	2.2	2.4	1.1
Pakaian dan kasut	3.6	-0.7	-0.7	-0.6
Sewa kasar, bahan api dan kuasa	21.1	3.2	3.2	3.1
Perabot, hiasan dalaman dan peralatan rumah	5.6	1.1	1.6	0.0
Perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan	1.9	3.7	3.6	3.7
Pengangkutan dan perhubungan	17.9	1.4	1.7	0.6
Perkhidmatan rekreasi, hiburan, pelajaran dan kebudayaan	5.8	3.3	3.5	0.3
Pelbagai barang dan perkhidmatan	5.6	2.5	2.6	4.0
Semenanjung Malaysia	100	3.8	3.9	2.8
Sabah	100	2.8	2.8	2.1
Sarawak	100	2.2	2.2	1.4

Sumber: Jabatan Perangkaan

dalam tempoh yang sama pada tahun 1996. Import ikan yang lebih tinggi serta peningkatan pengeluaran ikan tempatan telah meredakan tekanan harga. Indeks kecil bagi beras, roti dan bijirin lain juga telah meningkat secara sederhana dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 4.5% berbanding dengan 6.9% sepanjang tempoh yang sama tahun lepas. Di samping itu, indeks kecil

bagi buah-buahan dan sayur-sayuran juga telah meningkat dengan kadar yang agak lebih rendah 1.5% (3.4% dalam bulan Januari-September 1996) hasil dari peningkatan bekalan dan import. Di antara sembilan komponen kecil di bawah barangan makanan yang digunakan di rumah, indeks minyak dan lemak mencatatkan kadar penurunan 1.9% di dalam IHP (Januari-September 1996: 0.8%). IHP untuk lain-lain indeks kecil di bawah komponen makanan ditunjukkan dalam Jadual 8.2.

Peningkatan IHP bagi komponen kecil perbelanjaan kesihatan dan perubatan kekal tinggi pada 3.7% berbanding dengan 3.6% sepanjang

tempoh yang sama pada tahun 1996. Ini disebabkan oleh peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan perubatan yang lebih baik akibat daripada kesedaran terhadap pentingnya penjagaan kesihatan berikutan dari peningkatan taraf hidup penduduk di negara ini. Komponen kecil sewa kasar, bahanapi dan kuasa juga mencatatkan peningkatan tinggi sebanyak 3.1% (Januari-September 1996: 3.2%) disebabkan oleh peningkatan sewa rumah. Sebagai tambahan, peningkatan kadar tarif elektrik sebanyak 8.3% daripada 21.7 sen/kwh ke 23.5 sen/kwh mulai dari 1 Mei 1997 telah juga menyumbang kepada peningkatan dalam IHP secara keseluruhan. Sebaliknya, harga rendah telah dicatatkan bagi pakaian dan kasut yang ditunjukkan oleh penurunan indeks kecilnya sebanyak 0.6% sepanjang tempoh sembilan bulan pertama 1997 (Januari-September 1996: -0.7%).

Kerajaan terus memberi perhatian kepada langkah untuk mengatasi masalah penawaran, terutamanya bekalan makanan seperti ikan, sayuran dan daging yang merupakan penyumbang terbesar kepada peningkatan IHP. Sebagai langkah untuk meningkatkan lagi bekalan ikan, Tabung Ikhtiar Nelayan telah dilancarkan pada bulan Jun 1997 bagi membantu nelayan tradisional memperolehi pinjaman tanpa faedah bagi membiayai aktiviti penangkapan mereka. Tabung ini dijangka akan memberi manfaat kepada lebih 25,000 orang nelayan di seluruh negara. Lembaga Pembangunan Perikanan Malaysia telah menyumbang sebanyak RM4 juta kepada Tabung yang diuruskan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia. Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah untuk mempercepatkan pembinaan jeti seperti di Kuala Kedah bagi memudahkan nelayan membuat pendaratan hasil tangkapan mereka. Berhubung dengan usaha untuk meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan, Tabung Makanan akan terus memberi kemudahan pinjaman dengan syarat-syarat yang menarik. Langkah ini adalah sebagai tambahan kepada beberapa usaha untuk menggalakkan Kerajaan Negeri memperuntukkan kawasan yang sesuai untuk penanaman dan pengeluaran pertanian. Langkah-langkah khusus juga telah diambil bagi mengatasi masalah peningkatan harga daging, barangan makanan yang keempat terpenting (selepas beras, buah-buahan dan sayur-sayuran dan ikan) dalam bakul makanan, melalui usaha-usaha seperti mendapatkan bekalan daripada sumber bekalan

Jadual 8.2

**Malaysia: Indeks Harga Pengguna
Bagi Makanan
(1994=100)**

	<i>Wajaran</i>	<i>Perubahan Tahunan (%) (Januari-September)</i>		
		<i>1996</i>	<i>1996</i>	<i>1997</i>
Makanan keseluruhan	34.9	5.7	5.7	4.3
Makanan di rumah	25.1	6.0	6.0	3.6
Beras, roti dan bijirin-bijirin lain	5.5	7.4	6.9	4.5
Daging	3.8	4.7	3.9	3.7
Ikan	4.9	11.7	12.5	7.0
Susu dan telur	2.3	4.0	3.8	2.4
Minyak dan lemak	0.7	0.2	0.8	-1.9
Buah-buahan dan sayur-sayuran	5.4	3.0	3.4	1.5
Gula	0.6	0.8	1.0	0.3
Kopi dan teh	0.8	0.5	0.6	0.8
Makanan lain	1.1	4.4	4.5	1.1
Makanan di luar rumah	9.8	5.2	4.7	5.9

Sumber: Jabatan Perangkaan

baru. Ini dicerminkan melalui peningkatan permit import yang dikeluarkan oleh Jabatan Haiwan daripada 13,978 dalam tahun 1995 kepada 14,332 pada tahun 1996.

Komponen kedua terbesar dalam IHP ialah sewa kasar, bahanapi dan kuasa. Ia telah menyumbang sebanyak 25% kepada peningkatan IHP disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam sewa rumah. Dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1997, Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) terus meningkat dengan kadar 6.1% berbanding dengan peningkatan sebanyak 12.9% pada tahun 1996. Secara sektoral, keempat-empat Indeks Kecil Harga Rumah Malaysia menunjukkan prestasi yang bercampur-campur dengan indeks bagi rumah teres dan berkembar menunjukkan arah aliran peningkatan yang berkekalan di antara 8% hingga 11% dalam tempoh separuh kedua tahun 1996 dan separuh pertama tahun 1997. Sebaliknya, indeks bagi unit bertingkat tinggi terus menunjukkan arah aliran negatif, merosot dengan kadar lebih tinggi sebanyak 4.6% dalam tempoh Januari-Jun 1997 berbanding dengan penurunan sebanyak 1% dalam tempoh yang sama pada tahun 1996. Walau bagaimanapun, kemerosotan permintaan ini mungkin akan berubah dengan penarikan balik levi RM100,000 ke atas pembeli asing yang membeli hartanah bernilai lebih daripada RM250,000 sepertimana yang diumumkan oleh Kerajaan pada 28 Ogos 1997. Langkah ini dijangka akan menyekat penurunan permintaan ke atas unit-unit berharga sederhana dan tinggi. Dari segi jumlah keseluruhan pindah milik dalam sektor harta kediaman, tiga tahun kebelakangan ini telah menyaksikan peningkatan berterusan nilai harta kediaman yang diperniagakan. Bagi tempoh Januari hingga Jun 1997, jumlah nilai hartanah yang diperniagakan meningkat kepada RM1.77 bilion walaupun kadar kenaikannya telah merosot daripada 32.6% dalam tempoh enam bulan pertama 1996 kepada 21.2% bagi tempoh yang sama 1997. Dari segi harga, rumah-rumah yang bernilai kurang dari RM150,000 merupakan 74.5% daripada 86,652 unit kediaman yang diniagakan berbanding dengan 80.3% daripada 82,755 unit dalam tempoh yang sama tahun 1996.

Kerajaan akan terus memberi penekanan ke atas pembinaan rumah kos rendah dan sederhana bagi memastikan golongan berpendapatan rendah khususnya di kawasan bandar, dapat memiliki rumah dengan harga yang berpatutan dan kualiti yang baik. Kerajaan telah menubuhkan tiga tabung khas bagi mengatasi masalah perumahan yang dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah, iaitu Tabung Perumahan Untuk Golongan Termiskin, Tabung Untuk Mempercepatkan Pembinaan Rumah Kos Rendah (TMPRKR) dan Tabung Pusingan Perumahan Kos Rendah (TPPKR). Sehingga pertengahan tahun 1997, sebanyak 32 projek yang melibatkan pembinaan 81,700 unit rumah kos rendah dan sederhana telah diluluskan di bawah TPPKR. Pada masa yang sama, sehingga akhir bulan Ogos 1997, TMPRKR yang menyediakan pembiayaan dengan syarat-syarat yang menarik bagi pembangunan rumah kos rendah, telah meluluskan pinjaman berjumlah RM496.3 juta untuk membiayai pembinaan sebanyak 25,916 unit rumah kos rendah. Di samping itu, Kerajaan juga telah mengumumkan penubuhan Syarikat Perumahan Negara semasa Belanjawan Tahun 1997 bagi membantu pemaju membina lebih banyak rumah kos rendah dan sederhana.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah meningkatkan pelaksanaan langkah-langkah pentadbiran untuk mengawasi dan mengawal tekanan harga yang berlebihan ke atas barang-barang perlu. Pada 16 Mac 1997, Kerajaan telah membenarkan pengurangan harga sebanyak RM0.10 se kg. bagi gandum memandangkan harga import bagi barangan mentahnya (Australian Standard White Wheat) telah merosot semenjak penghujung tahun 1996 dan awal 1997 (penurunan sebanyak 23% dari AS\$262 setiap tan metrik pada suku kedua tahun 1996 kepada AS\$202 setiap tan metrik pada suku pertama tahun 1997). Sementara itu, Kerajaan juga sedang menjalankan kajian ke atas kadar tol lebuhraya bertujuan untuk mengurangkan beban kepada pengguna. Kajian ini dijangka siap pada pertengahan tahun 1998.

Indeks Harga Pengguna Kedua

Indeks Harga Pengguna (IHP) biasanya dirujuk sebagai pengukur inflasi. Ia mengukur kadar perubahan harga runcit bagi satu kumpulan tetap barangan dan perkhidmatan yang sering digunakan oleh purata isirumah di Malaysia. Ia mengukur perubahan harga dalam urusaniaga, iaitu harga yang sebenarnya dibayar oleh pengguna bagi barangan dan perkhidmatan yang dibeli. Kumpulan barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam IHP adalah dipilih bagi mewakili corak perbelanjaan penduduk secara keseluruhan selaras dengan amalan yang digunakan di peringkat antarabangsa. Memandangkan IHP merupakan purata perubahan harga barangan dan perkhidmatan, item yang mempunyai wajaran besar lebih mempengaruhi perubahan indeks harga berbanding item berwajaran kecil. Oleh yang demikian, makanan diberi wajaran lebih besar berbanding dengan rawatan perubatan dan kesihatan, memandangkan jumlah perbelanjaan ke atasnya adalah lebih besar, dimana kenaikan harga makanan sebanyak 1 sen akan memberi kesan yang lebih kepada peningkatan indeks berbanding kenaikan harga rawatan perubatan dan kesihatan sebanyak 10 sen.

Jabatan Perangkaan telah menyediakan IHP kedua berdasarkan barangan yang sering digunakan oleh kumpulan berpendapatan rendah. IHP kedua tertumpu kepada perubahan harga item yang biasa dibeli oleh mereka yang berpendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan. Bagi mencerminkan perbelanjaan sebenar isi rumah kumpulan berpendapatan rendah, senarai 430 barangan terpilih dalam bakul IHP keseluruhan telah disemak semula. Bagi tujuan ini, beberapa jenis barangan baru telah ditambah kepada senarai barangan dan perkhidmatan yang sedia ada, sementara beberapa jenis barangan lain telah dikeluarkan daripada bakul barangan IHP memandangkan ianya didapati kurang sesuai. Senarai terakhir yang mengandungi 75 jenis barangan dan perkhidmatan telah dikenalpasti sebagai keperluan asas bagi kumpulan berpendapatan rendah. Jadual di bawah menunjukkan beberapa barangan dan perkhidmatan yang berbeza antara bakul kumpulan berpendapatan rendah berbanding dengan kumpulan berpendapatan tinggi:

Jadual 1

Barangan Terpilih di bawah Kumpulan Pendapatan Yang Berbeza

<RM1,500 sebulan >RM2,500 sebulan		
Makanan		
Minyak dan lelemak	minyak campuran boleh dimakan	Vecorn Mazola
Sayur-sayuran	kangkong pucuk paku pucuk ubi	kai lan lettuce asparagus cendawan (tin)
Buah-buahan	betik pisang rambutan	anggor epal laici
Ikan	selayang sepat tongkol duri	bawal jenahak tenggiri merah
Lain-lain makanan	kaya budu	jem madu
Pakaian dan Kasut	batik baju-t berkualiti rendah (Don)	baju (berjenama) Van Hausen YSL Dunhill
Sewa Kasar, Bahanapi dan Kuasa	sewa rumah: pangsa teres setinggan	sewa rumah: kondo berkembar dua tingkat banglo
Pengangkutan dan Perhubungan	basikal motosikal tambang bas	kereta: Mercedes BMW Volvo Citreon
Perbelanjaan rawatan perubatan dan Kesihatan	bayaran hospital Kerajaan	bayaran klinik swasta pakar

(a) Corak Perbelanjaan Isi Rumah Mengikut Kumpulan Pendapatan

Kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang ketara dalam perbelanjaan isirumah di antara dua kumpulan pendapatan seperti yang ditunjukkan di Jadual 2. Komponen makanan menunjukkan perbezaan yang lebih besar dalam corak perbelanjaan di mana mereka yang berpendapatan

di bawah RM1,500 sebulan membelanjakan 40.9% daripada pendapatan bulanan mereka ke atas makanan sementara isirumah yang berpendapatan lebih daripada RM2,500 sebulan membelanjakan hanya 29.8% untuk makanan. Sebaliknya, kumpulan berpendapatan rendah membelanjakan hanya 13% daripada pendapatan bulanan mereka ke atas pengangkutan dan perhubungan, lebih rendah daripada perbelanjaan oleh kumpulan berpendapatan tinggi (21.5%) ke atas komponen ini. Bagi perbelanjaan ke atas minuman dan tembakau serta pakaian dan kasut, isirumah berpendapatan rendah mempunyai wajaran yang lebih besar (4.7% dan 4.2%) berbanding dengan isirumah berpendapatan tinggi (2.5% dan 3.0%). Bagi perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan serta rekreasi, hiburan, pelajaran dan kebudayaan, mereka yang berpendapatan kurang dari RM1,500 sebulan membelanjakan bahagian yang lebih kecil ke atasnya berbanding dengan kumpulan berpendapatan tinggi (1.4% berbanding 2.4% dan 4.6% berbanding 6.7%). Pada keseluruhannya, isirumah berpendapatan rendah membelanjakan 62% atau 2/3 daripada pendapatan bulanan mereka ke atas barangan dan perkhidmatan keperluan asas seperti makanan dan sewa kediaman berbanding dengan isirumah berpendapatan tinggi (51%).

Jadual 2

**Malaysia: Corak Perbelanjaan
Isirumah (%)
Mengikut Kumpulan Pendapatan**

Komponen perbelanjaan	<RM1,500	>RM2,500	Purata
0 Makanan	40.9	29.8	34.9
1 Minuman dan tembakau	4.7	2.5	3.6
2 Pakaian dan kasut	4.2	3.0	3.6
3 Sewa kasar bahan api dan kuasa	21.1	21.5	21.1
4 Perabot, hiasan dalaman dan peralatan rumah	5.3	6.0	5.6
5 Rawatan perubatan dan kesihatan	1.4	2.4	1.9
6 Pengangkutan dan perhubungan	13.0	21.5	17.9
7 Rekreasi, hiburan, pendidikan dan kebudayaan	4.6	6.7	5.8
8 Pelbagai barangan dan perkhidmatan	4.8	6.7	5.6
Jumlah	100.0	100.0	100.0

(b) IHP Bagi Isirumah Berpendapatan Kurang RM1,500 Sebulan

Secara purata, peratus perubahan indeks bagi kedua-dua kumpulan pendapatan menunjukkan arah aliran yang sama, dengan komponen makanan menunjukkan peratus peningkatan yang tertinggi dalam kedua-dua IHP. Pada tahun 1996, IHP bagi kumpulan berpendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan meningkat sebanyak 3.9%, tinggi sedikit daripada 3.5% yang dicatatkan dalam IHP keseluruhan. Ini adalah disebabkan terutamanya oleh peningkatan harga yang tinggi bagi komponen makanan, yang mengalami kenaikan 6.0% berbanding 5.7% bagi IHP keseluruhan. Kenaikan 4.1% dalam indeks rawatan perubatan bagi kumpulan berpendapatan rendah berbanding dengan 3.7% bagi keseluruhan IHP juga memberi sumbangan kepada peningkatan indeks yang lebih tinggi tersebut. Sebaliknya, bagi komponen-komponen sewa kasar, bahan api dan kuasa, serta perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah, peratus kenaikan harga baginya adalah lebih rendah untuk kumpulan berpendapatan rendah (3.0% berbanding 3.2% dan 0.6% berbanding 1.1%). Walau bagaimanapun, komponen lain tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dalam IHP seperti yang ditunjukkan di Jadual 3.

(c) Penyumbang Utama Kepada Kenaikan IHP Kedua dan IHP Keseluruhan

Kajian yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan juga mendapati bahawa makanan merupakan penyumbang utama kepada kenaikan IHP dalam kedua-dua kumpulan pendapatan (66% bagi IHP kumpulan berpendapatan rendah dan 59.3% kepada IHP keseluruhan isirumah). Sewa kasar, bahanapi dan kuasa merupakan penyumbang kedua yang menyumbang 16.8% kepada kenaikan IHP bagi kumpulan berpendapatan rendah dan 19.2% kepada IHP keseluruhan. Sumbangan komponen lain, seperti pengangkutan dan komunikasi serta rekreasi, hiburan, pendidikan dan kebudayaan kepada IHP bagi kumpulan berpendapatan rendah hanya 4.1% berbanding dengan 6.8% dan 5.3% kepada keseluruhan IHP. Pecahan dari segi sumbangan setiap komponen kepada kenaikan IHP adalah seperti di Jadual 3 berikut:

Pecahan terperinci kenaikan IHP dari segi sumbangan mengikut item di bawah komponen makanan bagi kedua-dua kumpulan pendapatan ditunjukkan di Jadual 4. Dari sembilan komponen

Jadual 3

**Malaysia: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengguna (IHP)
Dan Sumbangan Daripada Komponen Utama Perbelanjaan (1996/1995)**

Komponen	Isirumah Keseluruhan			Pendapatan <RM1,500 Sebulan		
	Wajaran	% Perubahan	Sumbangan	Wajaran	% Perubahan	Sumbangan
Jumlah	100.0	3.5	100.0	100.0	3.9	100.0
Makanan	34.9	5.7	59.3	40.9	6.0	66.6
Minuman dan tembakau	3.6	2.2	2.2	4.7	2.2	2.8
Pakaian dan kasut	3.6	-0.7	-0.7	4.2	-0.5	-0.5
Sewa kasar bahan api dan kuasa	21.1	3.2	19.2	21.1	3.0	16.8
Perabut, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah	5.6	1.1	1.8	5.3	0.6	0.8
Perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan	1.9	3.7	2.0	1.4	4.1	1.5
Pengangkutan dan perhubungan	17.9	1.4	6.8	13.0	1.3	4.1
Rekreasi, hiburan pendidikan dan kebudayaan	5.8	3.3	5.3	4.6	3.5	4.1
Pelbagai barang perkhidmatan	5.6	2.5	4.1	4.8	2.9	3.8

kecil makanan, ikan merupakan penyumbang utama kepada kenaikan IHP, iaitu 23.4% kepada indeks kumpulan berpendapatan rendah dan 19% kepada indeks isirumah keseluruhan. Begitu juga komponen beras, roti dan lain-lain bijirin serta buah-buahan dan sayur-sayuran menjadi penyumbang besar kepada kenaikan IHP bagi

kumpulan berpendapatan rendah sebanyak 14.8% dan 6.8% berbanding 11.1% dan 4.9% bagi IHP keseluruhan. Pada umumnya, kenaikan indeks bagi kumpulan berpendapatan rendah adalah disebabkan sebahagian besarnya oleh kenaikan indeks harga barangan makanan yang diguna di rumah iaitu hampir 82%.

Jadual 4

**Malaysia: Wajaran, Peratus Perubahan
dan Sumbangan Komponen Kecil Makanan kepada IHP (1996/1995)**

Komponen kecil daripada perbelanjaan	Isirumah Keseluruhan			Pendapatan <RM1,500.00 Sebulan		
	Wajaran	% Perubahan	Sumbangan	Wajaran	% Perubahan	Sumbangan
Makanan	34.9 (100)	5.7	59.3 (100)	40.9 (100)	6.0	66.6 (100)
Makanan di rumah	25.1 (72)	6.0	44.2 (75)	32.1 (78)	6.3	54.4 (81.7)
Beras roti dan lain-lain bijirin	5.5	7.4	11.1	7.6	7.8	14.8
Daging	3.8	4.7	5.1	4.1	3.9	4.3
Ikan	4.9	11.7	19.0	6.6	11.6	23.4
Susu dan telur	2.3	4.0	2.5	2.7	4.3	2.9
Minyak dan lemak	0.7	0.2	0.0	0.9	0.4	0.1
Buah-buahan dan sayur-sayuran	5.4	3.0	4.9	6.6	3.7	6.8
Gula	0.6	0.8	0.2	1.1	0.9	0.2
Kopi dan teh	0.8	0.5	0.1	1.1	0.4	0.1
Lain-lain makanan	1.1	4.4	1.3	1.4	5.0	1.8
Makanan di luar rumah	9.8 (28)	5.2	15.1 (25)	8.8 (22)	5.2	12.2 (18.3)


Jabatan Perangkaan telah merangka Indeks Harga Pengguna Kedua untuk golongan yang berpendapatan rendah bertujuan untuk memberi petunjuk ke atas perubahan harga barangan dan perkhidmatan asas, yang mempunyai kesan terhadap kuasa beli golongan ini. Senarai baru yang mengandungi 75 barangan dan perkhidmatan (diubahsuai daripada 430 barangan asal dalam bakul IHP keseluruhan) telah dikenalpasti sebagai barangan keperluan asas golongan ini. Komponen makanan menunjukkan perbezaan ketara dalam corak perbelanjaan di mana mereka yang berpendapatan di bawah RM1,500 sebulan membelanjakan 40.9% daripada pendapatan mereka untuk makanan (IHP keseluruhan: 34.9%). Sementara wajaran bagi sewa kasar, bahanapi dan kuasa kekal di paras 21.1%, wajaran bagi pengangkutan dan perhubungan telah menunjukkan penurunan sebanyak 4.9% mata peratusan (daripada 17.9% dalam IHP keseluruhan kepada 13.0% dalam IHP kedua). Kajian tersebut mendapati bahawa pada tahun 1996, IHP kedua meningkat sebanyak 3.9% iaitu lebih tinggi dari 3.5% yang dicatatkan dalam peningkatan IHP keseluruhan. Ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga dalam komponen makanan yang meningkat sebanyak 6% dalam IHP kedua berbanding dengan 5.7% dalam IHP keseluruhan. Peningkatan sebanyak 3% dalam indeks kecil untuk sewa kasar, bahanapi dan kuasa juga telah menyumbang kepada peningkatan yang lebih tinggi ini. Gabungan kedua-dua komponen ini telah menyumbangkan 84% kepada IHP yang lebih tinggi untuk golongan berpendapatan rendah. Di samping itu, Jabatan Perangkaan juga telah membuat pengiraan IHP untuk kawasan bandar dan luar bandar. Hasil pengiraan ini menunjukkan perbezaan kecil di antara IHP untuk kawasan bandar dan luar bandar (1996: 3.2% untuk kawasan luar bandar berbanding dengan 3.6% untuk kawasan bandar), sebahagian besarnya disebabkan perbezaan kecil di antara corak perbelanjaan di antara masyarakat bandar dan luar bandar.

Bagi mencerminkan dengan lebih tepat lagi harga semasa barangan separa siap dan siap, Jabatan Perangkaan telah mengubahsuai dan mengemaskinikan Indeks Harga Pengeluar (IHPG) dengan menggunakan jadual "input-output" tahun 1987. IHPG yang telah diubahsuai menunjukkan bahawa pengeluaran tempatan mempunyai wajaran yang lebih tinggi (meningkat sebanyak 7.5 mata peratusan daripada 71.8% kepada 79.3%),

menggambarkan peningkatan kandungan tempatan dalam barangan keluaran tempatan. IHPG yang diubahsuai ini juga menunjukkan perubahan ketara dalam komposisi barangan yang digunakan oleh pengeluar tempatan. Barangan yang mempunyai wajaran yang lebih tinggi dalam IHPG yang diubahsuai adalah bahan bakar, pelincir dan barangan berkaitan (+7.5 mata peratusan kepada 18.82%); lemak dan minyak sayur dan haiwan (+2.56 mata peratusan kepada 8.47%), kelengkapan pengangkutan dan mesin (+0.59 mata peratusan kepada 18.35%), kimia dan keluaran berkaitan (+0.04 mata peratusan kepada 4.42%). Sebaliknya, kumpulan-kumpulan kecil lain mempunyai wajaran yang lebih rendah seperti barangan perkilangan (-4.08 mata peratusan kepada 10.81%), bahan-bahan mentah (-2.78 mata peratusan kepada 17.97%) dan makanan dan haiwan hidup (-1.95 mata peratusan kepada 14.87%).

Secara keseluruhannya, IHPG telah meningkat dengan sederhana sebanyak 0.9% sepanjang tempoh lapan bulan pertama tahun 1997 (Januari-

Carta 8.2
Indeks Harga Pengeluar (1989 = 100)
(perubahan tahunan)



Jadual 8.3**Malaysia: Indeks Harga Pengeluar
(1989=100)**

	<i>Wajaran</i>	<i>Perubahan Tahunan (%) (Januari-Ogos)</i>		
		1996	1996	1997
Ekonomi				
Tempatan	100.0	2.3	1.5	0.9
Makanan dan binatang hidup yang boleh dimakan	14.9	5.5	5.6	1.6
Minuman dan tembakau	2.1	0.5	0.7	0.0
Bahan mentah tidak boleh dimakan kecuali bahanapi	18.0	-1.5	-1.2	-6.1
Minyak galian dan pelincir	18.8	1.25	8.4	6.8
Minyak dan lelemak binatang dan sayur-sayuran	8.5	-5.8	-7.0	4.5
Kimia dan keluaran kimia	4.4	1.0	1.3	0.2
Barangan perkilangan dijeniskan mengikut bahan	10.8	0.8	1.3	-0.8
Alat jentera dan kelengkapan pengangkutan	18.3	0.5	-0.2	2.0
Pelbagai barangan keluaran kilang	3.6	3.4	4.2	-1.7
Pelbagai perniagaan dan barangan tidak dikelaskan	0.6	0.3	0.3	-0.6
Pengeluaran tempatan	79.3	2.8	2.0	0.8
Import	20.7	0.1	-0.5	1.5

Sumber: Jabatan Perangkaan

Ogos 1996: 1.5%). Peningkatan secara sederhana ini disebabkan, sebahagian besarnya, oleh penurunan harga bahan mentah (Januari-Ogos 1997: -6.1% berbanding dengan -1.2% dalam bulan Januari-Ogos 1996), pelbagai barangan keluaran kilang (Januari-Ogos 1997: -1.7% berbanding dengan 4.2% dalam bulan Januari-Ogos 1996). Secara terperinci, IHPG bagi pengeluaran tempatan meningkat sederhana sebanyak 0.8% dalam tempoh lapan bulan pertama 1997 (Januari-Ogos 1996: 2.0%) disebabkan sebahagian besarnya oleh peningkatan 7.3% dalam indeks bahan api dan minyak pelincir (Januari-Ogos 1996: 9.9%), minyak dan lelemak binatang dan sayur-sayuran 4.6% (Januari-Ogos 1996: -7.1%), sementara indeks kecil bagi makanan dan binatang hidup telah meningkat 2.1% (Januari-Ogos 1996: 6.0%). IHPG untuk import meningkat secara sederhana sebanyak 1.5% (Januari-Ogos 1996: -0.5%) disebabkan oleh peningkatan sebanyak 3.3% dalam kos kelengkapan peralatan.

Gunatenaga

Keadaan gunatenaga terus ketat dalam tahun 1997. Gunatenaga dijangka akan berkembang pada kadar 2.8% dalam tahun 1997 untuk mencapai bilangan sebanyak 8.39 juta (1996: 8.16 juta) berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 3.1% dalam tahun 1996, disebabkan sebahagian besarnya oleh penurunan yang dicatatkan dalam sektor utama (tahun 1997: 1,318,600 berbanding dengan 1996: 1,382,000). Walau bagaimanapun, perkembangan gunatenaga bagi sektor sekunder dan ketiga kekal tinggi pada kadar purata sebanyak 4.3%. Dengan peningkatan ini, kedua-dua sektor ini menyumbangkan sebanyak hampir 84% daripada jumlah gunatenaga dalam tahun 1997 berbanding dengan 83% dalam tahun 1996. Peratusan jumlah gunatenaga dalam sektor utama (termasuk pertanian, perhutanan, perikanan dan perlombongan) dijangka terus menurun kepada 16% dalam tahun 1997 berbanding dengan 17.0% dalam tahun 1996. Dengan peningkatan jumlah tenaga kerja pada kadar yang sama iaitu sebanyak 2.8% atau 235,200 orang pekerja kepada 8.6 juta (2.8% atau 232,000 orang pekerja kepada 8.4 juta dalam tahun 1996), kadar pengangguran dijangka kekal pada paras 2.5% dalam tahun 1997.

Sehingga akhir Julai 1997, sebanyak 23,321 orang telah mencari kerja secara aktif melalui Jabatan Tenaga Manusia berbanding dengan 24,070 orang dalam tempoh yang sama tahun lepas, iaitu penurunan sebanyak 3.1%. Dari jumlah tersebut 2,980 orang adalah lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dan pemegang Diploma/Ijazah dari pelbagai Institusi Pengajian Tinggi. Manakala 54.8% adalah pemegang Sijil Pelajaran Malaysia. Kadar peningkatan yang lebih tinggi telah dicatatkan di negeri-negeri Pahang, Perak dan Perlis, dengan masing-masing mencatatkan kadar peningkatan sebanyak 62.3%, 23.8% dan 14.6%. Pada masa yang sama, jumlah kekosongan yang dilaporkan sepanjang tempoh tujuh bulan

pertama 1997 meningkat sebanyak 13.7% kepada 38,076 berbanding dengan 33,483 dalam tempoh yang sama pada tahun 1996, dengan peningkatan dicatatkan terutamanya di tiga sektor utama, iaitu perkilangan, perdagangan runcit dan borong, hotel dan restoran, dan pembinaan.

Berasaskan sektor, gunatenaga dalam sektor perkhidmatan dijangka kekal pada 47.5% iaitu peratusan yang terbesar daripada jumlah gunatenaga keseluruhan. Perkembangan yang pesat dalam sektor perkhidmatan menyebabkan meningkatnya jumlah peluang pekerjaan yang diwujudkan di sektor ini, terutamanya dalam bidang perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran

Jadual 8.4

Malaysia: Perbandingan Di Antara Pendaftar Aktif dan Kekosongan Baru Mengikut Negeri

	<i>Pendaftar Aktif</i>			<i>Kekosongan Baru</i>		
	<i>Julai¹ 1996</i>	<i>Julai¹ 1997</i>	<i>Perubahan (%)</i>	<i>Jan-Julai 1996</i>	<i>Jan-Julai 1997</i>	<i>Perubahan (%)</i>
Perlis	740	848	14.6	400	386	-3.5
Kedah	2,410	2,055	-14.7	2,473	2,468	-0.2
Pulau Pinang	1,031	764	-25.9	5,431	5,380	-0.9
Perak	1,624	2,010	23.8	2,813	3,546	26.1
Selangor	1,239	1,317	6.3	4,549	4,430	-2.7
Negeri Sembilan	1,190	1,333	12.0	3,013	1,544	-48.7
Melaka	512	465	-9.2	455	208	-54.3
Johor	1,458	1,583	8.6	4,749	3,482	-26.7
Pahang	1,319	2,141	62.3	1,261	2,686	113.0
Terengganu	2,072	1,981	-4.4	1,399	1,670	19.4
Kelantan	2,209	1,691	-23.4	1,999	1,591	-20.4
Wilayah Persekutuan	2,448	2,086	-14.8	1,791	2,067	15.4
Sabah	4,462	3,616	-19.0	1,573	2,947	87.3
Sarawak	1,356	1,431	5.5	1,577	5,671	259.6
Jumlah Malaysia	24,070	23,321	-3.1	33,483	38,076	13.7

Sumber: Jabatan Tenaga Buruh, Kementerian Sumber Manusia

Nota: ¹ Angka terkumpul pada akhir Julai 1997

(meningkat 2.1% atau 27,900 peluang pekerjaan baru) serta pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan (meningkat sebanyak 5.4% atau 22,300 peluang pekerjaan baru). Jumlah gunatenaga dalam sektor perkhidmatan telah meningkat sebanyak 3.1% dari 3.87 juta pekerjaan yang dicatatkan dalam tahun 1996 kepada 3.99 juta dalam tahun 1997. Gunatenaga yang disediakan oleh sektor kecil Kerajaan dijangka meningkat kecil iaitu sebanyak 0.5% atau 4,300 orang sepanjang tahun 1997 dari 876,600 orang dalam tahun 1996, mencerminkan usaha Kerajaan ke arah mensepadankan saiz sektor awam. Sektor perkilangan merupakan pengguna tenaga kerja

yang kedua terbesar, menyumbangkan 27.5% dari jumlah keseluruhan gunatenaga, peningkatan seramai 129,800 orang, berbanding dengan 26.7% dalam tahun 1996. Peratusan tenaga kerja dalam sektor pertanian, perhutanan dan perikanan kepada jumlah gunatenaga keseluruhannya mencatatkan penurunan daripada 16.4% dalam tahun 1996 kepada 15.2% pada tahun 1997. Peratusan gunatenaga bagi sektor perlombongan dan kuari kekal pada paras 0.5% atau 43,900 orang dengan industri petroleum dan gas mencatatkan jumlah terbesar dalam kategori ini.

Ekonomi terus beroperasi dengan kekurangan tenaga kerja di hampir semua sektor. Dasar Kerajaan membenarkan pengambilan tenaga asing telah menyebabkan jumlah tenaga buruh asing pada masa ini mencecah hampir 1.7 juta. Di bawah operasi pemutihan untuk mendaftarkan pekerja asing yang telah berjalan selama enam bulan sehingga 31 Disember 1996, seramai 423,180 pekerja asing telah didaftarkan oleh majikan masing-masing. Bilangan ini adalah tambahan kepada 300,000 pekerja asing yang didaftarkan semasa operasi pertama pada tahun 1992. Memandangkan bilangan tenaga kerja asing yang terlalu besar dalam ekonomi negara, Kerajaan pada 20 Ogos 1997 telah mengumumkan pembekuan pengambilan pekerja asing dalam semua sektor berkuatkuasa sertamerta. Ini adalah bagi memastikan majikan memberi keutamaan kepada pekerja tempatan serta mempercepatkan usaha untuk mengurangkan pergantungan kepada kaedah pengeluaran berintensif buruh. Pengharaman ini meliputi semua rakyat negara asing (terdahulu, Kerajaan membenarkan pengambilan tenaga kerja asing dari lima negara iaitu Bangladesh, Filipina, Indonesia, Pakistan dan Thailand) dan semua sektor termasuk perladangan, perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan. Semenjak 10 Julai 1996, Kerajaan telah memberhentikan pemberian permit kemasukan kepada tenaga kerja asing di sektor pembinaan, perkhidmatan dan perladangan.

Bagi pengambilan pekerja mahir bagi tempoh jangka pendek, Kerajaan, walau bagaimanapun, telah melonggarkan syarat pengambilan pekerja asing mahir dan mempunyai kepakaran bagi menambah bilangan pekerja mahir dan berpengetahuan di negara ini. Pada bulan Januari 1997, kaunter khas telah dibuka di Ibu Pejabat Jabatan Imigresen bagi memastikan permohonan oleh "expatriates" dapat diproses dalam masa dua minggu. Di samping itu, "expatriate" akan

Jadual 8.5

Malaysia: Gunatenaga Mengikut Sektor (1996-1997¹)

	1996		1997	
	('000)	(%)	('000)	(%)
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,339.4	(16.4)	1,274.7	(15.2)
Perlombongan	42.6	(0.5)	43.9	(0.5)
Perkilangan	2,177.8	(26.7)	2,307.6	(27.5)
Pembinaan	726.2	(8.9)	768.4	(9.2)
Elektrik, gas dan air	72.4	(0.9)	76.0	(0.9)
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	1,358.8	(16.6)	1,386.7	(16.5)
Kewangan, insurans, hartanah dan perniagaan	403.3	(4.9)	422.4	(5.0)
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	414.2	(5.1)	436.5	(5.2)
Perkhidmatan kerajaan	876.6	(10.7)	880.9	(10.5)
Perkhidmatan lain	750.2	(9.2)	793.7	(9.5)
Sektor Utama	1,382.0	(16.9)	1,318.6	(15.7)
Sektor Sekunder	2,904.0	(35.6)	3,076.0	(36.7)
Sektor ketiga	3,875.4	(47.5)	3,996.3	(47.6)
Jumlah	8,161.4	(100.0)	8,390.9	(100.0)

¹ Jangkaan

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

diberi pengesahan kerja bagi selama satu tahun berbanding dengan pengesahan kerja dalam tempoh yang lebih pendek pada masa lepas. Pada masa yang sama, sebagai satu langkah jangka panjang untuk mengurangkan kekangan penawaran pekerja mahir, sejumlah RM13.2 bilion telah diperuntukkan dalam tahun 1997 untuk sektor pendidikan dan latihan. Dari jumlah tersebut, sejumlah RM10 bilion diperuntukkan untuk sekolah-sekolah, program pendidikan komputer dan untuk membiayai institusi pengajian tinggi. Lain-lain program bagi tujuan ini termasuklah pembinaan sekolah-sekolah vokasional, teknik dan politeknik baru dan meningkatkan taraf sekolah-sekolah yang sedia ada, serta memperbaiki program latihan di Institut Perindustrian, Institut Kemahiran Belia Negara dan di pusat Giat MARA.


Dengan tujuan untuk mengurangkan lagi masalah kekurangan tenaga kerja, Kerajaan merancang untuk menambah bilangan pekerja profesional, pengurusan, teknikal dan tenaga kerja mahir dengan mempercepatkan perkembangan dan penswastaan institusi latihan. Kerajaan telah meluluskan pemberian 415 lesen untuk kolej swasta iaitu peningkatan hampir 50% daripada 280 lesen yang diluluskan dalam tahun 1995. Sehingga Julai 1997, empat syarikat telah ditawarkan untuk menubuhkan institusi pengajian tinggi di seluruh negara yang akan meliputi pengwujudan kampus dan program berkembar. Dengan perlonggaran secara berperingkat-peringkat dalam pembangunan pendidikan ini, bilangan pelajar kolej swasta telah meningkat hampir 10% daripada 127,596 pelajar dalam tahun 1995 kepada 139,858 pelajar dalam tahun 1997. Adalah dijangkakan pada tahun 1998, dengan peningkatan purata sebanyak 8% setahun, bilangan ini akan meningkat kepada 151,046 pelajar. Program memperbadankan institusi pengajian tinggi awam ini dijangka dapat mewujudkan persaingan yang sihat di antara mereka dan ini dijangka akan melengkap dan menyokong proses penyediaan kursus dan program oleh institusi berkenaan yang akan memenuhi keperluan tenaga kerja negara. Di samping itu, usaha ini dijangka dapat mengurangkan penghijrahan cendekiawan yang sedang dialami oleh institusi pengajian tinggi awam terutamanya dalam bidang kritikal seperti kejuruteraan dan perubatan. Dengan memperbadankan universiti-universiti di negara ini, geran pelancaran untuk Tabung Pendidikan Tinggi berjumlah RM100 juta telah diumumkan semasa Belanjawan Tahun 1997 bagi memberi bantuan kewangan kepada pelajar-

pelajar yang telah diberi tempat di institusi pengajian tinggi tempatan. Untuk jangka masa yang lebih panjang, Kementerian Pendidikan sedang merangka program baru seperti sekolah pintar, pusat sumber elektronik, pelaksanaan subjek komputer dan rekabentuk untuk pelajar sekolah menengah bertujuan untuk membangun dan membina kemahiran serta keupayaan teknologi terutamanya dalam bidang teknologi maklumat.

Belanjawan Tahun 1997 juga telah menyediakan insentif tambahan bagi pensyarah atau penceramah bukan pemastautin sebagai satu cara untuk mengatasi masalah kekurangan pakar. Pensyarah asing yang mengajar dalam bidang-bidang tertentu seperti sains, kejuruteraan dan kemahiran teknikal, teknologi maklumat, teknologi tinggi, falsafah dan lain-lain bidang kritikal adalah layak untuk diberi 50% pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diterima mereka dari institusi pendidikan dan latihan atau organisasi yang diluluskan. Di samping itu, 50% pengecualian cukai pendapatan juga diberi kepada syarikat atau organisasi bukan pemastautin ke atas perkhidmatan yang diberi oleh pensyarah-pensyarah di institusi latihan yang diluluskan.

Dengan pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC), banyak peluang pekerjaan terutamanya di bidang industri berasaskan maklumat akan diwujudkan. Terdapat tujuh bidang "*flagship*" yang akan diberi galakan di bawah MSC iaitu termasuk teleperubatan, kad pintar, kelompok pembangunan dan penyelidikan dan kerajaan elektronik. Selaras dengan ini, semua pihak perlu menyedari akan pentingnya tenaga kerja tempatan dilatih dalam bidang teknologi maklumat. Oleh itu, adalah penting bagi institusi awam serta institusi latihan swasta untuk berkembang selaras dengan kehendak pasaran supaya boleh menyesuaikan diri bagi memenuhi keperluan industri teknologi maklumat yang sentiasa berubah-ubah. Baru-baru ini, Kerajaan telah memutuskan supaya agensi seperti Kementerian Pendidikan, Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS) dan Universiti Telekom dijadikan institusi utama untuk menyediakan latihan di bidang teknologi maklumat. Tabung Pembangunan Sumber Manusia telah meningkatkan bantuan kewangannya kepada program-program latihan yang berasaskan teknologi maklumat (hampir enam kali ganda) daripada RM3.2 juta dalam tahun 1994 kepada RM17.2 juta dalam tahun 1996. Tabung Pembangunan Sumber Manusia telah ditubuhkan dalam tahun 1993 bertujuan untuk memberi latihan

Carta 8.3
Petunjuk-Petunjuk Gunatenaga



semula dan meningkatkan kepakaran tenaga kerja bagi membantu firma-firma tempatan mengubah operasi mereka ke arah teknologi tinggi dan pengeluaran berintensif modal. Sehingga pertengahan 1997, Tabung ini membantu syarikat-syarikat dalam pelbagai industri untuk melatih semula seramai 1,382,969 pekerja. Sepanjang tempoh Januari-Julai 1997, sejumlah RM81.9 juta telah diluluskan untuk tujuan melatih semula dan meningkatkan kepakaran seramai 329,919 pekerja. Bagi tahun 1996, sejumlah RM158.9 juta telah dibelanjakan dan ini merupakan peningkatan 73.3% dari tahun sebelumnya (1995: RM89.6 juta). Bilangan pekerja yang dilatih adalah seramai 518,325 orang, peningkatan sebanyak 63% berbanding dengan 319,710 pekerja dalam tahun 1995. Sehingga 31 Julai 1997, sejumlah RM432.4 juta telah dapat dikumpul oleh Tabung ini yang mana 88.2% atau RM381.4 juta telah diperuntukkan untuk program latihan.

Kerajaan juga sedang berusaha untuk meningkatkan keberkesanan Akta Gunatenaga 1955 yang pada asalnya dirangka lebih bertujuan untuk memenuhi kehendak industri perlombongan dan pertanian. Pindaan akta ini akan membolehkan lebih ramai tenaga kerja separuh masa digunakan, menggalakkan penyertaan lebih ramai tenaga kerja wanita melalui amalan waktu kerja anjal dan merangka garis panduan bagi membenarkan isteri/suami rakyat asing untuk bekerja di Malaysia. Bagi meningkatkan penglibatan sektor swasta di bidang latihan dan pembangunan sumber manusia, Kerajaan telah menubuhkan saluran komunikasi di pelbagai peringkat termasuk mengadakan dialog dan perjumpaan di antara Kerajaan dengan wakil industri. Lebih ramai wakil sektor swasta juga telah dilantik dalam Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan. Kini terdapat lebih dari 10 Jawatankuasa Penasihat Perdagangan yang telah diwujudkan dengan wakil dari sektor swasta untuk membantu dalam pembangunan kurikulum latihan. Di samping itu, input dari sektor swasta juga diperolehi dalam bidang latihan dan pembangunan di peringkat institusi latihan terutamanya untuk mereka bentuk dan menyediakan program bagi memenuhi keperluan khusus industri-industri melalui pakej-pakej modular dan kursus reka khas.

Upah

Pasaran buruh yang ketat dan permintaan untuk tenaga mahir yang kian meningkat telah

menyebabkan peningkatan ketara kepada kadar upah. BANCIAN bulanan Jabatan Perangkaan ke atas sektor perkilangan menunjukkan sehingga Julai 1997 pertumbuhan produktiviti sebanyak 10.8% masih rendah berbanding kadar peningkatan purata upah benar sebanyak 19.9% dan ini telah menyebabkan peningkatan kepada kos benar bagi setiap pekerja (Januari-Julai 1997: 8.3% berbanding Januari-Julai 1996: 4.4%). Ini pula telah mengurangkan daya saing kos buruh bagi sektor perkilangan. Bagi sektor yang mempunyai kesatuan, peningkatan purata upah seperti yang dicerminkan di dalam perjanjian upah bersama yang dipersetujui dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 adalah sebanyak 7.7% berbanding dengan 12.3% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Sektor komersil dan perkilangan masing-masingnya menunjukkan peningkatan yang lebih perlahan dalam upah purata sebanyak 8.0%

dan 8.3% berbanding dengan 13.0% dan 10.6% dalam tahun 1996.

Menyedari keperluan untuk menerima pakai pendekatan sistematik untuk mengawal peningkatan upah dan untuk memastikan peningkatan sedemikian dikaitkan dengan produktiviti, Kerajaan telah menerima pakai "Garispanduan Untuk Sistem Pembentukan Upah Berhubung Produktiviti" dalam bulan Ogos 1996. Majikan dan pekerja digalakkan menggunakan Garispanduan ini dalam perundingan gaji mereka. Sebagai sebahagian daripada usaha promosinya, Kerajaan telah mengedar salinan Garispanduan ini kepada semua organisasi majikan, kesatuan sekerja, persatuan industri serta individu. Walaupun dasar ini telah diperkenalkan pada tahun 1996 dengan objektif jelas untuk membolehkan pekerja menikmati bahagian yang saksama hasil

Jadual 8.6
Perjanjian Mengenai Upah Sektor Swasta

	<i>Bilangan perjanjian</i>		<i>Bilangan pekerja terlibat</i>		<i>Peningkatan Upah Purata (%)</i>	
	1996	1997 ¹	1996	1997 ¹	1996	1997 ¹
Perkilangan	210	100	47,674	21,936	10.6	8.3
Komersial	42	27	4,866	4,651	13	8.0
Pengangkutan/Simpanan & Perhubungan	55	41	9,918	617	10	3.0
Perkhidmatan	38	23	6,364	3,288	9	8.2
Keluaran pertanian	32	22	12,990	35,375	15	7.0
Perlombongan & kuari	6	4	1,342	235	9	4.4
Elektrik/gas dan bekalan air	9	6	29,713	1,950	5	18.3
Pembinaan	0	0	0	0	0	0
Lain-lain	6	3	466	1,223	9	4.6
Jumlah	398	226	113,333	69,275	10.1	7.7

¹ Januari-Julai

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

peningkatan prestasi dan produktiviti mereka, tetapi pelaksanaan dasar ini oleh sektor swasta masih tidak memuaskan. Sebagai usaha tambahan bagi menggalakkan kecekapan dan produktiviti, Kerajaan telah meminda peruntukan Elaun Pelaburan Semula (yang diberi kepada sektor perkilangan dan pertanian) dengan memberi pengecualian cukai ke atas pelaburan semula dalam peralatan dari 70% kepada 100% di atas pendapatan berkanun mereka.

Sebanyak empat kes mogok melibatkan 746 pekerja telah dicatatkan sepanjang tempoh tujuh bulan pertama 1997 berbanding dengan tujuh kes melibatkan 876 pekerja sepanjang tempoh yang sama dalam tahun 1996. Daripada jumlah kes tersebut, satu kes adalah di sektor pertanian, sebanyak dua kes di sektor perkilangan dan satu kes di sektor perkhidmatan. Sejumlah 2,198 "man-days" telah kehilangan akibat daripada mogok tersebut. Walau bagaimanapun, jumlah ini adalah lebih rendah daripada kehilangan 2,315 "man-days" dalam tempoh yang sama tahun 1996. Pertelingkahan ke atas syarat gunatengah seperti tidak mematuhi syarat-syarat kontrak dalam perjanjian bersama dan lain-lain kontrak perkhidmatan, perkara-perkara mengenai disiplin

dan ketidakpatuhan kepada hak-hak pekerja adalah antara sebab berlakunya mogok tersebut.

Bilangan pertikaian perusahaan juga telah merosot dalam tempoh tujuh bulan pertama 1997. Namun demikian, bilangan pekerja yang terlibat telah meningkat dengan ketara. Sejumlah 234 industri yang melibatkan 43,720 pekerja telah berlaku sepanjang tempoh ini berbanding dengan 270 pertelingkahan yang melibatkan 31,760 pekerja dalam tempoh yang sama tahun 1996. Sektor perkilangan yang mencatatkan sebanyak 40.2% daripada jumlah pertelingkahan juga mencatatkan penurunan dalam jumlah kes yang dilaporkan. Sejumlah 94 kes dalam sektor ini yang melibatkan 20,959 pekerja telah berlaku dalam tempoh tujuh bulan pertama 1997 berbanding dengan 109 kes melibatkan 18,891 pekerja untuk tempoh yang sama dalam tahun 1992. Kira-kira 48.3% atau 113 kes pertelingkahan telah berpunca dari perselisihan pendapat ke atas syarat-syarat dan terma perkhidmatan termasuk keengganan majikan untuk mematuhi syarat dalam perjanjian bersama. Sebanyak 29.5% atau 69 kes berkisar pada ketidaksetujuan di dalam perundingan kolektif. Lain-lain sebab termasuk ketidakpuasan ke atas keputusan dan tindakan pengurusan yang diambil terhadap pekerja.